

Doa anda beri saya kekuatan — Sri Paus Fransiskus

ROMA: Sri Paus Fransiskus selalu meminta umat beriman untuk mendoakan beliau.

Pada bulan Oktober lalu, prelatus itu bercanda dengan sekumpulan biarawati Katolik, “Pekerjaan ini tidak mudah (menjadi Sri Paus); bahkan, ini agak menyusahkan.”

Jaringan Doa Sedunia Paus, yang sebelumnya dikenali sebagai Kerasulan Doa,

telah meminta umat Katolik di seluruh dunia untuk berdoa bagi Sri Paus Fransiskus sepanjang bulan November.

Dalam video bulanan itu, Bapa Suci menekankan, “Doa anda memberi saya kekuatan dan membantu saya untuk memahami dan mendampingi Gereja, mendengarkan Roh Kudus,” katanya dalam Bahasa Sepanyol dalam video yang disiarkan pada Oktober 31.

Bapa Suci mengatakan, menjadi pengganti Sto Petrus bukanlah mudah tetapi “kemanusiaan saya bertumbuh setiap hari bersama umat Tuhan yang kudus dan setia.”

Sri Paus Fransiskus juga menjelaskan bahawa walaupun beliau dipilih oleh para kardinal dalam konklaf, menjadikannya seorang Sri Paus, menjadi Sri Paus “juga merupakan sebuah proses.”

“Dan dalam proses ini, seorang Sri Paus belajar bagaimana menjadi gembala, belajar lebih dermawan, lebih berbelas kasih dan, yang terpenting, lebih sabar, seperti Yesus yang begitu sabar.”

Sri Paus Fransiskus meminta umat untuk “berdoa agar Sri Paus, siapa pun dia – hari ini giliran saya – agar dapat menerima bantuan Roh Kudus dan taat pada pertolongan tersebut.” — *media Vatikan*

Teologi untuk melayani Gereja dan dunia

TAKHTA SUCI: Gereja yang “sinodal, misionari, dan maju” memerlukan teologi yang “maju”. Dalam *Motu Proprio* yang baru, “*Ad theologiam promovendam*”, Sri Paus Fransiskus memperbarui Statuta Akademi Teologi Kepausan, dengan menyerukan “revolusi kebudayaan yang berani” dan komitmen terhadap dialog dalam terang Injil.

Sri Paus Fransiskus menyeru “anjakan paradigma” dalam teologi Katolik dengan melibatkan sains kontemporari, budaya, dan pengalaman hidup orang ramai sebagai titik permulaan yang penting.

Menurut Bapa Suci, ini adalah perlu bagi menangani “transformasi budaya yang mendalam.”

Dokumen *Ad Theologiam Promovendam* (Untuk Mempromosikan Teologi), dokumen ini menyemak semula statut Akademi Teologi Kepausan (PATH) “untuk menjadikannya lebih sesuai untuk misi zaman kita terhadap teologi.”

Teologi harus sesuai dengan zaman now
Bapa Suci menegaskan, kini adalah waktunya untuk merevisi norma-norma yang mengatur aktivitasnya agar “lebih sesuai dengan misi yang dibebankan pada teologi di zaman kita”.

Teologi harus terbuka kepada dunia dan manusia, “dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan dunia, tentang cabaran dan potensinya.

Tambah Bapa Suci, “refleksi teologi mesti memberi ruang kepada “pemikiran semula epistemologi atau cabang-cabang falsafah dan metodologi”, sebagai satu usaha “revolusi budaya yang berani”.

Apa yang diperlukan ialah “teologi kontekstual iaitu teologi yang mampu mem-



Teologi harus berkembang dalam budaya dialog dan pertemuan antara tradisi yang berbeza. Gambar (Licasnews.com) menunjukkan seorang paderi turun ke desa untuk memimpin Misa di wilayah Bengal, India.

baca dan mentafsirkan Injil dalam keadaan atau situasi kehidupan sehari-hari lelaki dan wanita, dalam persekitaran geografi, sosial, dan budaya yang berlainan.”

Teologi berkembang dalam budaya dialog dan pertemuan antara tradisi

Bapa Suci juga menegaskan teologi harus “berkembang dalam budaya dialog dan pertemuan antara tradisi dan disiplin yang berbeza, antara denominasi Kristian dan agama yang berbeza.

Teologi harus terlibat “secara terbuka dengan semua orang, baik yang beriman mahupun yang tidak”.

“Ini adalah pendekatan transdisipliner (lebih dari satu cabang ilmu),” jelas Sri Paus Fransiskus.

Konstitusi Apostolik *Veritatis Gaudium* menjelaskan bahawa ini bermaksud “menempatkan dan merangsang semua disiplin ilmu dengan latar belakang Cahaya dan Kehidupan yang ditawarkan oleh Kebijaksanaan yang mengalir dari Wahyu Tuhan.”

Oleh itu, teologi harus “memanfaatkan kategori-kategori baru yang dikembangkan oleh bentuk-bentuk pengetahuan lain, untuk menembusi, mengkomunikasikan kebenaran iman dan menyebarkan ajaran Yesus dalam bahasa-bahasa masa kini, dengan keaslian dan pemikiran kreatif.”

Sebuah “tag pastoral”

Teologi adalah suatu disiplin ilmu yang tidak boleh bersifat “abstrak dan ideologi, melainkan spiritual,” tegas Sri Paus Fran-

siskus seraya menambah “ia harus diiringi dengan ketekunan berdoa, kesetiaan adorasi, hening dan renungan; suatu disiplin yang transenden dan pada masa yang sama, memperhatikan suara umat.”

Ini adalah sebuah “teologi popular” yang sarat dengan belas kasih ditujukan kepada luka-luka terbuka umat manusia dan ciptaan serta dalam sejarah manusia, yang menubuatkan dan merealisasikan harapan.

Bagi Bapa Suci Fransiskus, teologi, secara keseluruhan, harus mempunyai “cap pastoral”, dan oleh itu refleksi teologi harus dimulai “dari perbagai konteks dan situasi konkrit yang berbeza di mana masyarakat berada” dan menempatkan dirinya “untuk melayani evangelisasi.” — *CNA/media Vatikan*

Kuasa pada kata-kata

Kata-kata memberi kita makna. Kita tidak dapat mencipta atau membuat semula realiti, tetapi perkataan yang kita pilih untuk menamakan realiti boleh mengeluarkan kita daripada pengalaman seharian.

Malangnya, hari ini banyak perkataan yang kita perlukan untuk memberi kita makna yang betul tidak lagi mempunyai kuasa untuk melakukannya.

Kita seperti Lady Chatterley karangan D. H. Lawrence. D.H. Lawrence menulis tentang dunia Lady Chatterley di mana “Semua kata-kata hebat tidak wujud lagi untuk generasinya. Cinta, kegembiraan, kebahagiaan, rumah tangga, ibu, ayah, suami, semua kata-kata dinamik yang hebat ini sudah separuh mati sekarang.”

Ini juga terjadi pada kita. Semakin banyak, perkataan yang perlu kita beri makna semakin kurang penting tidak dapat menyerlahkan perkara yang mustahak dan mendalam. Mengapa?

Makna yang kita berikan kepada sesuatu, bergantung pada perkataan di sekeliling kita.

Sebagai contoh, andaikan anda mengalami sakit pinggang yang kronik.

Doktor anda boleh memberitahu anda bahawa anda menghidap arthritis, cara biologi untuk menjelaskan kesakitan anda, dan anda berasa lebih baik kerana mengetahui punca gejala itu dan cara mengubatnya.

Walau bagaimanapun, ketika anda berjumpa pakar psikologi tentang simptom yang sama dan dia memberitahu anda bahawa ke-

sakitan anda adalah lebih daripada keadaan perubahan: “Anda berada dalam krisis pertengahan umur,” katanya.

Dengan kata-kata itu, anda berasa lega kerana penyakit itu mempunyai ‘nama’ lain, bukan setakat usia yang semakin tua. Tetapi ini masih boleh dibincangkan lebih mendalam.

Anda memberitahu penyakit ini kepada pendamping rohani, dan dia memberitahu anda bahawa kesakitan ini adalah salib anda untuk dipikul, ia adalah Getsemani anda, malam gelap jiwa anda, pembuangan anda ke Babylon, pengalaman padang pasir anda.

Sakit biasa itu kini menjadi sesuatu yang mempunyai makna di dunia dan makna keagamaan. Maksud sesuatu bergantung pada perkataan yang kita gunakan untuk menerangkannya.

Perkara yang sama juga berlaku untuk cinta. Apakah yang dimaksudkan dengan “jatuh cinta”?

Ia memberitahu bahawa anda mempunyai “kimia yang hebat” dengan seseorang? Bahawa anda telah menemui “jodoh”?

Tafsiran terakhir itu tidak termasuk “kimia yang hebat”, tetapi ia menambah kekayaan dalam dimensi jiwa.

Set perkataan yang lebih dalam membongkai pengalaman anda pada ufuk yang lebih luas dan itulah rahsia makna yang lebih mendalam.

Dalam bukunya, *The Closing of the American Mind*, Allan Bloom memberi kita contoh ini.

Sebagai seorang peminat Plato, Bloom berkongsi bagaimana Plato



menceritakan tentang pelajarannya yang duduk dan berkongsi tentang maksud “kerinduan abadi”.

Bloom menceritakan bagaimana pelajarannya sendiri cenderung untuk duduk dan berkongsi tentang “menjadi ghairah”.

Begitulah perbezaan makna! Kata-kata Plato untuk keinginan adalah separuh mati sekarang dalam budaya kita dan perkataan yang kita gunakan untuk menggantikannya sering kurang mendalam.

Apabila kita merenung pengalaman harian kita dengan kata-kata yang lebih mendalam, pengalaman ini — cinta, kegembiraan, seks, kesakitan, kebahagiaan, perkahwinan, menjadi bapa, menjadi ibu, menjadi suami, menjadi isteri, membuat kopi, meminumnya, melakukan perkara biasa kita — akan mengandungi sesuatu yang abadi, yang kekal.

Makna dan kebahagiaan bukanlah tentang di mana kita tinggal

dan apa yang kita lakukan sahaja. Ia lebih kepada cara kita melihat dan memberi nama pengalaman di mana kita tinggal dan apa yang kita lakukan. Pengalaman indah hanya terjadi jika ia diberi nama yang betul.

Terdapat kisah terkenal tentang seorang wartawan menemui bual dua orang pekerja di tapak pembinaan di mana sebuah gereja baru sedang dibina.

Dia bertanya kepada pekerja yang pertama: “Apa yang kamu lakukan untuk mencari nafkah?” Jawabannya: “Saya tukang batu”. Kemudian, wartawan itu bertanya kepada rakan sekerjanya, “Apa yang kamu lakukan untuk mencari rezeki?”

Dia menjawab: “Saya sedang membina sebuah katedral!” Perspektif mengubah segala-galanya, dan perspektif itu berubah bergantung kepada cara kita memahami dan menamakan perkara yang kita alami.

Penyair Kanada, J.S. Porter, pernah menulis, “Apabila anda mengambil langit, bumi akan layu!”

Kata-katanya memang benar. Apabila kita tidak memberi makna aktiviti biasa kita dengan perkataan dan simbol yang betul, kita akan kehilangan semua pesona dan pengalaman kita akan menjadi separuh mati.

Kita memerlukan penglihatan yang luas, simbol yang tinggi, dan kata-kata yang tepat untuk menjadikan kehidupan kita yang biasa, kelihatan biasa, menjadi bahan puisi dan percintaan.

Rainer Maria Rilke, seorang

penyair dan penulis, pernah menerima surat daripada seorang pemuda yang mengadu bahawa sukar baginya untuk menjadi seorang penyair kerana dia tinggal di sebuah bandar kecil di mana kehidupannya terlalu domestik, terlalu parokial, dan kurang meriah untuk memberikan inspirasi untuk puisi.

Jawaban Rilke adalah: Jika kehidupan harian anda kelihatan miskin kepada anda, maka beritahu diri anda bahawa syair anda masih kurang untuk kekayaannya, kerana tidak ada tempat atau kehidupan di bumi yang tidak kaya. Rilke menegaskan, setiap kehidupan berpotensi menjadi bahan puisi, menjadi bahan percintaan yang agung.

Apakah rahsia untuk mendapat atau memanggil kekayaan itu?

Saya percaya akan kata-kata G. K. Chesterton yang berkata bahawa kita perlu belajar melihat perkara yang biasa menjadi sesuatu yang hebat.

Kita mempunyai kebiasaan tidak sihat untuk menunggu keselamatan itu datang, padahal, kata-kata yang kita perlukan untuk mengangkat keindahan puisi, sering dijumpai dalam kisah-kisah iman kuno, pada cebisan-cebisan kitab suci lama, serta dalam kidung-kidung yang biasa kita dengar dan melalui pengakuan yang kita panggil syahadat.

Apabila kita buntu dengan kata-kata yang indah, kita mungkin perlu mempelajari semula beberapa bahasa lama. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Kebijaksanaan menuntun kita selalu bertindak benar

Pada hari ini Yesus mengajar kita dengan perumpamaan tentang gadis-gadis yang bijaksana dan yang bodoh.

Kerajaan Tuhan, iaitu tata kehidupan umat manusia yang diwartakan dan didirikan oleh Yesus berkali-kali digambarkan sebagai pesta perkahwinan.

Pesta perkahwinan adalah gambaran sukacita dan kebahagiaan.

Suatu kehidupan Kristian, jasmani mahupun rohani sejati, yang harus disiapkan dengan baik, tekun, sungguh-sungguh. Gadis-gadis yang bijaksana dan yang bodoh, kedua-dua golongan itu merupakan gambaran perbezaan sikap sadar manusia terhadap kehidupan Kristian sejati.

Perumpamaan tentang sepuluh gadis yang bijaksana dan bodoh ini hanya terdapat dalam Injil Matius.

Tafsiran pertama perumpamaan ini menunjukkan situasi yang dihadapi Yesus.

Secara singkat: ada orang-orang yang mendengar ajaran Yesus dan mahu menerimanya, dan ada pula yang menolaknya.

Kesimpulannya: “Siap sedia-lah selalu, sebab engkau tidak

tahu bila Tuhan akan datang”. Tafsiran kedua yang lebih mendalam: perumpamaan itu menggambarkan Gereja dan peribadi warga-warganya.

Kristus Almasih sudah datang, tetapi meskipun sudah dibaptis menjadi warga Gereja dan menjadi orang Kristian, namun belum melihat, mengalami dan merasakan adanya kegembiraan dan kebahagiaan Kerajaan Tuhan yang bagaikan pesta perkahwinan, sebab mereka bersikap acuh tak acuh sebagai orang beriman.

Padahal sikap bersiap siaga dan tekun mendengar dan melaksanakan sabda Tuhan adalah syarat-syarat mutlak untuk menyambut kedatangan Kristus.

Apa sebenarnya sikap bersiap siaga yang harus dimiliki dan dilakukan untuk agar mengalami sukacita dan bahagia dalam Kerajaan Tuhan, atau sebagai komuniti orang-orang pengikut Yesus? Tidak lain tidak bukan ialah berbuat baik terhadap orang lain/sesama. Perbuatan baik yang seperti apa?

Dalam kebanyakan petikan Injil Matius ditegaskan bahawa kita harus melakukan kebaikan

iaitu: menghindari perbuatan jahat (15:19), mengasihi musuh (5:44), saling mengasihi (25:12), mengampuni orang-orang yang telah berbuat jahat kepada kita (18:21-35), memiliki iman yang teguh (21-21), setia kepada Yesus (10:32) dan mengasihi Tuhan sepenuhnya (22:37).

Memiliki dan melakukan semua itu, itulah sikap bersiap siaga sebagai syarat mutlak untuk bertemu dengan Tuhan dan merasa sungguh bahagia!

Kita sungguh memerlukan minyak untuk hidup kita. Gadis-gadis bodoh bersikap acuh tak acuh, tidak ambil kisah, tidak peduli, tidak menyiapkan pelaksanaan tugas mereka.

Dalam khutbah-Nya di bukit Yesus berkata: “Hendaknya terangmu bercahaya di hadapan orang, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di syurga” (Mat 5:16). Nah, minyak yang dimaksudkan dalam perumpamaan itu adalah berbuat baik terhadap

Orang-orang yang bijaksana ialah mereka, yang selalu menaruh perhatian dan ikut prihatin akan keperluan sehari-hari, baik dalam keluarga masing-masing,

HARI MINGGU BIASA KE-32 TAHUN A

KEBIJAKSANAAN 6:13-17
TESALONIKA 4:13-18
INJIL MATIUS 25:1-13

dalam tetangga atau masyarakat sekeliling, bahkan kepada orang-orang yang tidak dikenalnya. Kita kerap kali memiliki lampu/pelita, namun kita tidak punya minyak untuk menyalakannya!

Bonda Teresa dari Kalkuta berkata: “Apakah minyak untuk pelita kita dalam hidup kita?”

Minyak pelita kita ialah hal-hal kecil sehari-hari: Kesetiaan, tepat waktu, kata-kata lembut, prihatin terhadap orang lain, tahu berdiam diri bila perlu, tahu memilih waktu, tahu bila untuk berbicara, bila bertindak. Inilah titisan-titisan air kasih, yang mampu membuat hidup kita bersinar terang sebagai orang beriman.”

Itulah yang dilakukan Santa Teresa dari Kalkuta. Bagi Bonda Teresa, sumber minyak itu

adalah Tuhan dalam diri Yesus, yang sentiasa setia siap siaga terhadap kehendak Tuhan.

Apakah sumber minyak kita? Sama! Sumber minyak yang kita perlukan supaya pelita kita dapat menyala dengan terang ialah Tuhan sendiri.

Oleh itu, hubungan kita dengan Tuhan harus selalu ada dan dipelihara. Kita harus selalu siap dan siaga mendengar dan melaksanakan sabda-Nya. Justeru Tuhan akan berbicara melalui keadaan dan keperluan orang-orang sesama kita.

Perbuatan-perbuatan baik kita kepada sesama, itulah pelita terang yang menunjukkan kita kedatangan Kristus sebagai Mempelai Gereja dalam hati kita, bagaikan dalam pesta perkahwinan! — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm*

Pertukaran para klerus Keuskupan Keningau berkuatkuasa Jan, 2024

KENINGAU: Uskup Cornelius Piong mengumumkan pada Oktober 28 lalu akan pertukaran para paderi di Keuskupan Keningau berkuat kuasa Januari 1, 2024. Berikut merupakan senarai pertukaran para paderi:

1. Katedral St Francis Xavier, Keningau

Rektor: Msgr Gilbert Lasius

Pembantu:

Uskup Cornelius Piong

Fr Joseph Gapitang

Fr Bede Anthonius

Fr David Gasikol (*menyambung pelajaran di Universiti Sto Thomas, Manila*)

Fr Appolonius Yakis CSE

Calon Diakon Kennedy Nakudah

2. Paroki Roh Kudus, Sook

Rektor: Fr Clement Abel

Pembantu:

Fr Anthony Mikat



Fr Philip Muji

Fr Bede Morti Lamutan

3. Paroki St Theresa

Rektor: Fr Rudolf Joanes

Pembantu:

Fr Francis Dakun (*Seminari St Peter College, Kuching, Sarawak*)

Fr Sharbel Francisco CSE

Sem. Nelbart Peter

4. Paroki Holy Cross, Toboh

Rektor: Fr Wilfred James

Pembantu:

Fr David Mamat

5. Paroki St. Anthony Tenom Dan Mission Kemabong

Rektor: Fr Bonaventure Unting

Pembantu:

Fr Benedict Runsab

Fr Harry Dorisoh

6. Paroki St Valentine Beaufort dan Paroki St Yohanes, Sipitang

Rektor: Fr Ronnie Luni

Pembantu:

Fr Lazorous Uhin

7. Paroki St Peter, Kuala Penyu

Rektor: Fr Roney Mailap

Pembantu:

Fr Paul Mikin

8. Paroki St Patrick, Membakut

Rektor: Fr Boniface Kimsin

Pembantu:

Fr Gilbert Engan

Pameran relik orang kudus di paroki Silibin

IPOH: Sempena perayaan para Kudus, Komisi Kateketikal Keuskupan Pulau Pinang dan Gereja Our Lady of Lourdes menganjurkan pameran peninggalan atau relik 75 orang kudus pada Oktober 21-22 lalu.

Penganut Katolik percaya Tuhan boleh menjalankan karya-karya-Nya melalui relik, oleh kerana itu, peninggalan-peninggalan suci ini dihormati.

Pameran dimulakan dengan upacara para-liturgi yang dipimpin oleh paderi paroki, Fr Robert Daniel, Diakon Sandanasamy Peter dan Diakon George Vaithynathan.

Fr Robert berucap kepada jemaah yang ber-

himpun, menekankan tujuan kami berkumpul: untuk menghormati orang-orang kudus dan bercita-cita untuk meneladani kehidupan murni mereka. Ketika Fr Robert mendupai relik dan memercikkan air suci, umat beriman berdoa rosari.

Selain relik kelas pertama yang terdiri daripada serpihan tulang orang-orang kudus, rambut atau tisu badan, pameran itu juga menampilkan peninggalan kelas kedua, iaitu barangan atau serpihan harta orang kudus serta peninggalan kelas ketiga dan keempat yang merupakan barangan yang pernah disentuh oleh orang kudus.



Umat paroki Silibin tidak melepaskan peluang menghadiri pameran relik 75 orang Kudus.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:

liza@herald.com.my

Dapatkah seorang murtad menerima Sakramen?

Soalan: Seorang umat Katolik selama 20 tahun beribadat di gereja lain. Pada ketika ini, dia sedang sakit dan tidak dapat berjalan akibat stroke. Apakah dia boleh menerima Sakramen Tobat, Sakramen Mahakudus, dan Sakramen Pengurapan Orang Sakit dalam Gereja Katolik?

Jawaban: Pertama, menurut Hukum Gereja Katolik, seorang Katolik yang murtad dari imannya dikenakan hukuman ekskomunikasi secara automatik (*latae sententiae*), yang dianggap berada di luar Gereja (KHK Kan 1364).

Hukuman ekskomunikasi ini tidak memiliki jangka waktu tertentu. Hukuman ini dapat dihapus jika yang berkenaan mahu bertobat, iaitu menerima Sakramen Rekonsiliasi atau Tobat.

Sebelum menerima absolusi, ada doa khusus yang diucapkan paderi untuk melepaskan orang itu dari hukuman ekskomunikasi.

Sesudah itu, yang bersangkutan harus mengucapkan kembali doa Syahadat Gereja Katolik di hadapan paderi dan komuniti paroki. Barulah, yang berkenaan dapat diterima kembali secara rasmi oleh paroki atau komuniti.

Sesudah semua proses ini, sebagai anggota Gereja, dia boleh menerima sakramen-sakramen lain. Inilah norma umum dalam Hukum Gereja Katolik.

Kedua, secara pastoral proses penerimaan kembali seorang yang pernah murtad perlu

didahului dengan pemeriksaan kesungguhan motivasi orang tersebut ke dalam Gereja Katolik, dan bukan hanya “memanfaatkan” sarana-sarana rohani, kerana situasi sakit.

Di samping itu, sangat perlu dilakukan pemeriksaan kemurnian imannya kepada ajaran Gereja Katolik disertai pendidikan iman.

Sesudah sekian lama berada di luar Gereja Katolik dan mendapatkan pengajaran iman yang lain, apakah yang berkenaan masih mengetahui ajaran iman Katolik yang benar?

Apakah pengetahuan iman itu sungguh dipercayai? Diperlukan kesatuan iman dalam Gereja dan iman yang benar tentang sakramen-sakramen, agar pelayanan sakramental yang diberikan sungguh membawa buah-buah rohani seperti yang diajarkan oleh Gereja Katolik.

Ketiga, kisah kembalinya si anak yang hilang adalah peristiwa yang menyangkut seluruh Gereja.

Belas kasihan yang ditunjukkan kepada si anak hilang tidak melemahkan keteguhan iman anggota-anggota lain, sehingga tidak timbul kesan “easy come easy go”.

Di sinilah pertimbangan dan kebijakan praktis paderi paroki dalam mengendalikan situasi ini.

Soalan II: Di manakah Yosef, suami Maria ketika Yesus menjalani saat sengsara hingga disalibkan?

Pertama, penampilan terakhir Yosef dalam Kitab Suci adalah saat peristiwa Yesus berumur

12 tahun dalam Bait Tuhan di Yerusalem (Luk 2:41-52).

Sesudah itu, tidak ada penampilan Yosef sama sekali. Menurut tradisi, Yosef meninggal dunia ketika Yesus berumur belasan tahun. Yosef wafat didampingi Yesus dan Maria. Maka, kepada St Yosef dimintakan perantaraan agar bisa meninggal dunia dengan baik.

Kedua, indikasi kuat bahawa Yosef sudah lama meninggal dunia dapat ditemukan pada Injil yang tertua, iaitu Markus, “Bukankah Dia ini tukang kayu, anak Maria...” (6:3).

Markus menyebut Yesus langsung sebagai tukang kayu, bukan “anak tukang kayu” seperti pada Mat 13:55.

Ini menunjukkan, Yosef, bapa asuh Yesus, sudah lama meninggal dunia dan lalu Yesus mengambil alih pekerjaan bapak-Nya sebagai tukang kayu.

Setelah belasan tahun, maka ketika Yesus mengajar di Nazaret, Dia dikenali sebagai Si Tukang Kayu, bukan lagi anak tukang kayu.

Menarik juga untuk diperhatikan, Markus mahupun Matius, tidak menyebut Yesus sebagai anak Yosef, tetapi anak Maria.

Dalam budaya Yahudi yang patriarkal, seorang anak disebut sebagai keturunan ayah, bukan ibunya.

Hal ini sekali lagi menunjukkan bahwa Yosef sudah cukup lama meninggal dunia, sehingga Yesus lebih dikenal sebagai anak Maria, bukan anak Yosef. — **Fr Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik.com**

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Semoga adik-adik dalam keadaan yang sihat sejahtera.

Adik-adik, Injil pada hari Minggu ke-32 mengajak kita untuk menjadi orang yang bijaksana dalam rohani.

Bagaimana menjadi orang yang bijaksana dalam rohani? Kita harus sentiasa mengingati bahawa Tuhan datang pada bila-bila sahaja. Oleh itu kita harus sentiasa bersedia untuk menyambut Dia.

Kita tahu bahawa Tuhan Yesus akan kembali pada bila-bila masa sahaja. Jadi apakah persiapan yang perlu kita buat? Sentiasa merayakan Ekaristi, berdoa dan

membaca firman-Nya. Selain itu, kita juga harus mempunyai kerendahan hati, membantu sesama, menjaga alam ciptaan dan banyak lagi.

Adik-adik, orang yang bijak dalam rohani adalah orang yang sentiasa menyerahkan hidupnya atau percaya akan pemeliharaan serta perlindungan Tuhan.

Seperti lima orang gadis bijak yang bersedia dengan lampu dan minyak, antie berharap, kita juga sentiasa mempunyai 'minyak' rohani agar api iman kita tidak padam, lebih-lebih lagi semasa Yesus datang untuk kedua kalinya!


Antie Melly

Mari Mewarna

Mempelai datang!
Sambutlah dia!
(Mat 5:6)



Susun semula ayat pada gambar ini.



(Mat 25:13)

Gadis-gadis yang bijaksana dan gadis-gadis yang bodoh (Matius 25:1-13)

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah.

MARI MENGENAL BEBERAPA PERALATAN LITURGI



PIALA adalah cawan yang menjadi tempat anggur untuk dikonsekrasikan,

PURIFIKATORIUM, kain lenan berwarna putih berbentuk segi empat untuk membersihkan piala, sibori dan patena. Biasanya, sesudah digunakan, purifikatorium dilipat tiga memanjang lalu diletakkan di atas piala.



PATENA, piring yang berbentuk bundar dan rata digunakan oleh pemimpin perayaan Ekaristi untuk meletakkan hostia.



BELIA MILENIUM



KAUM MUDA BERHIMPUN BERDOA DALAM ROH KUDUS



KUALA LUMPUR: K.A.M.I Belia 4.0 yang diadakan di Gereja Holy Redeemer, Klang memberikan satu pengalaman yang sangat luar biasa dan menggembirakan! Tema “Terbukalah!” yang dipetik dari Markus 7:34 menunjukkan bahawa para belia ingin diperbaharui dalam Roh Kudus.

Seramai 150 belia menyertai program yang diadakan pada Oktober 21-22 tersebut. Dianjurkan oleh belia ABMA (Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate), sesi pengisian program adalah berbeza berbanding program sebelumnya.

Untuk program K.A.M.I Belia 4.0, penganjur telah menjemput penceramah khas iaitu Friar Don Don Ramirez, OFM dan tim daripada Gereja St Ann's, Kota

Padawan Keuskupan Agung Kuching. Tim Friar Don Don termasuklah 14 ahli tim muzik dan tim pendoa.

Kehadiran mereka memberikan aura yang sangat luar biasa dan membangkitkan semangat para belia.

Pada hari pertama, Friar Don Don menyampaikan sesi “Cinta Kasih Tuhan, “Luka-luka Batin”, “Pertobatan dan Penyembuhan”.

Di samping itu, program ini dimeriahkan dengan sesi perkongsian dalam kumpulan dan diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Friar Don Don dan Fr Michel Dass daripada paroki Divine Mercy, Shah Alam.

Dengan topik berkaitan Roh Kudus, hari kedua program diteruskan. Roh Kudus dan Pembaptisan Roh Kudus.

Acara kemuncak pada hari terakhir adalah sesi penyembuhan di hadapan Sakramen Mahakudus yang dibantu oleh tim

daripada Friar Don Don dan tim pelaksana K.A.M.I Belia.

Pada sesi tersebut para peserta diajar untuk menyerahkan hati dan diri mereka ke dalam tangan Tuhan melalui doa penyembuhan agar setiap daripada peserta dapat merasai cinta kasih Tuhan melalui pencurahan Roh Kudus yang menyembuhkan jiwa mereka dan iman mereka diperbaharui.

K.A.M.I Belia 4.0 diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Don Don. Dalam homilinya, beliau berpesan kepada semua peserta agar segala pengalaman yang mereka lalui ini dikongsi bersama rakan-rakan belia lain dan mengharapkan para peserta menjadi misionari di tempat masing-masing.

Berikut merupakan beberapa sharing peserta:

“Saya amat tersentuh dengan sesi “Pertobatan dan Penyembuhan” di mana ia memberikan kesedaran dan kekuatan

iman.” – **Audrey, Gereja Devine Mercy, Shah Alam**

“Inilah pengalaman pertama menyertai K.A.M.I Belia. Saya kagum dengan penyampaian dan karunia yang ada pada Friar Don Don!” – **Calvine, Gereja Good Shepherd, Setapak.**

“Bagi saya program ni sangat bagus untuk belia yg mahu disembuhkan dalam luka-luka batin.” – **Popoy, Gereja Good Shepherd, Setapak**

“Saya belajar bagaimana meneguhkan iman dalam menghadapi cabaran setiap hari. Selain itu, saya amat suka akan nyanyian koir ketika Misa yang membantu saya sungguh-sungguh berdoa dan mencintai Yesus.” – **Arlene, Gereja Holy Family, Kajang**

— **oleh Karlwin Anak Kerol**

Dipanggil mewartakan kerajaan Tuhan

MELAKA: Salah satu dari tiga tanda yang menyertai mereka yang menerima Sakramen Penguatan ialah mengalami kuasa Roh Kudus.

Baru-baru ini, seramai 13 orang kris-mawan Gereja Corpus Christi Kem Terendak, telah diurapi dengan minyak Krisma oleh Uskup Bernard Paul.

“Seseorang yang sudah menerima Penguatan juga mengalami tanda-tanda kematangan sebagai murid Yesus, kata Uskup Bernard dalam homilinya.

“Matang secara rohani, matang dalam iman, matang dalam pelayanan, matang dalam membuat keputusan untuk terus setia mengikut Yesus walau apa pun risikonya,” kata Uskup Bernard.

Bapa Uskup mengatakan bahawa semua deria kita membantu kita untuk semakin mengenal dan percaya Yesus: Mata untuk melihat dan percaya, telinga untuk



mendengar dan percaya, hati untuk merasa dan percaya, tangan untuk menyentuh dan percaya, mulut untuk berkomunikasi dan percaya. Seluruh panca indera kita adalah untuk mengalami kehadiran Tuhan dan percaya kepada-Nya.

Defney Dennera salah seorang Kris-

mawan, menceritakan pengalamannya semasa menyertai kelas penguatan yang banyak mengajarkan erti kasih sayang Tuhan dan mengasihi sesama.

“Sepanjang saya mengikuti kelas penguatan banyak cabaran yang saya hadapi iaitu persoalan keadilan Tuhan kerana

saya mengalami banyak cabaran, tekanan dan kekecewaan.

“Tetapi lama kelamaan, saya mendapati bahawa cinta Tuhan tidak mengenal batas. Dia selalu membuka tangan-Nya untuk menyambut dan memeluk kita.” — **pembimbing Penguatan 2023**

Sinode desak para Uskup melayani dengan ketulusan cinta

VATIKAN: Menekankan “perbuatan dalam Roh Kudus” yang dialami pada Sidang Agung Biasa Sinode Uskup, Sri Paus Fransiskus memimpin Misa penutup untuk sidang yang berjalan selama sebulan itu.

Dalam homilinya, Sri Paus mengenang bagaimana para peserta Sinode “mengalami kehadiran Tuhan yang penuh kasih dan menemui keindahan persaudaraan.”

Perayaan Misa pada Oktober 29 di Basilika Santo Petrus menandakan kemuncak sesi pertama Sinode tentang Sinodaliti yang bertema persekutuan, penyertaan, dan misi. Sesi seterusnya akan berlangsung pada Oktober 2024.

Merengungkan bacaan Injil hari itu apabila seorang ahli bijak pandai



hukum menguji Yesus dengan mengajukan pertanyaan: perintah mana dalam undang-undang yang terpenting — persoalan ini juga tercetus dalam kehidupan Gereja sekarang.

Jawaban Tuhan bahawa kita harus mengasihi Tuhan seumur hidup kita

dan mengasihi sesama kita sebagaimana diri kita sendiri menunjukkan ia adalah perintah paling utama.

“Kasih sayang Tuhan membuahkan hasil dan menakjubkan. Ia mengundang adorasi, pemujaan dan kekaguman terhadap cinta-Nya

yang agung.”

“Memuja Tuhan bermakna mengakui dalam iman bahawa Dia adalah Tuhan yang Esa dan bahawa kehidupan individu kita, dalam perjalanan ziarah ini, semuanya bergantung pada kelembutan kasih-Nya.”

Dengan menyembah Tuhan, “kita adalah bebas. Inilah sebabnya Kitab Suci sering memberi amaran terhadap setiap bentuk penyembahan berhala kerana berhala, memperhambakan kita.”

Sri Paus mengingatkan apabila kita tergoda dengan berhala duniawi yang mementingkan diri dan tamak, malah ada yang menyamar sebagai kerohanian, seperti idea agama sendiri atau kemahiran pastoral, di sini kita perlu berwaspada dan sen-

tiasa meletakkan Tuhan sebagai pusat kehidupan kita

“Semoga semua Gereja, di setiap keuskupan, setiap paroki, setiap komuniti, memuja Tuhan!”

Pada akhir homilinya, Sri Paus mengimbas kembali bagaimana Sinode membenarkan pengalaman baharu tentang kehadiran Tuhan yang penuh kasih dan mengalami “keindahan persaudaraan.”

Dengan mendengar antara satu sama lain dan belajar daripada pelbagai latar belakang dan isu-isu yang dihadapi di tempat asal mereka, “kami telah mendengar Roh Kudus dan melihat hasil pengalaman ini untuk pertemuan bahagian kedua, Oktober 2024!” — *media Vatikan*

Roh Kudus adalah protagonis

KOTA VATIKAN: Sri Paus Fransiskus mengingatkan Sidang Sinode bahawa Roh Kudus adalah protagonis perhimpunan itu, dan mengucapkan terima kasih yang tulus kepada semua, semasa menyampaikan ucapan pada sesi penutupan Sidang Agung Biasa Sinode XVI mengenai Sinodaliti.

Bapa Suci memulakan ucapannya, dalam bahasa Sepanyol, mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang telah memainkan peranan penting dalam Sidang Agung itu.

“Saya ingin mengingatkan anda bahawa protagonis sinode ini ialah Roh Kudus, jadi saya cadangkan anda membawa bersama anda teks Sto. Basil yang disediakan untuk kita oleh Fr Davide Piras: teruskan merenungkannya kerana ia boleh membantu kami.”

Bapa Suci seterusnya menyebut beberapa nama yang telah bekerja keras untuk Sinode Agung itu khususnya kepada Kardinal Grech, Kardinal Hollerich, Fr Giacomo Costa, Fr Riccardo Battocchio, Giuseppe Bonfrate, Sister Maria Grazia An-

gelini dan Fr Timothy Radcliffe dan mereka yang berusaha di belakang tabir.

Perhimpunan Agung Biasa Sinode Uskup ke-16 diadakan dalam dua peringkat iaitu sesi pertama yang telah tamat, Oktober 4-29 dan bahagian kedua pada tahun hadapan, Oktober 2024.

Sebelum berdoa bersama, dan memberikan berkat meriah, Sri Paus Fransiskus mengakhiri ucapannya dengan mengucapkan terima kasih yang tulus kepada semua. — *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus memberkati salah seorang perwakilan Sinode.

Bapa Suci mohon Bonda Maria luluhkan hati yang terpenjara dengan kebencian

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus dalam permohonan doanya memohon kepada Bonda Maria untuk memandang dengan penuh belas kasihan kepada keluarga umat manusia yang menderita dan menyerahkan kepadanya perlindungan bagi warga yang menjadi korban akibat perang.

“Ratu Perdamaian, engkau menderita bersama kami seperti yang engkau lihat, begitu ramai orang yang menderita akibat konflik dan perang yang menghancurkan dunia kita,” lafaz Sri Paus Fransiskus semasa Doa untuk Perdamaian di Basilika Santo Petrus pada Oktober 27.

“Pada saat yang gelap ini, kami membenamkan diri kami dalam cahaya matamu, kami menyerahkan diri kami pada hatimu,” katanya sambil memandang patung Bonda Maria.

Dengan rosari manik-manik hitam di tangannya, Sri Paus Fransiskus berdoa bersama para kardinal, uskup dan delegasi sidang Sinode Para Uskup, mengenang kekuatan dan inisiatif Bonda Maria dari beberapa peristiwa Injil — kunjungan, pesta pernikahan di Kana, sengsara dan kebangkitan Yesus.

“Sekarang, Bonda, sekali lagi, kami mengambil inisiatif pada masa yang penuh konflik dan ke-



Umat di Ukraine turut menyertai Hari Doa dan Puasa pada Oktober 27, 2023.

hancuran akibat tembakan senjata. Ajarilah kami untuk menghargai dan merawat kehidupan — setiap kehidupan manusia! dan menolak kebodohan perang, yang menabur kematian dan menghilangkan masa depan,” lafaz Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci Fransiskus memohon kepada Bonda Maria untuk “menyentuh hati mereka yang terpenjara oleh kebencian, mengubah hati mereka agar mengakhiri konflik.”

“Ratu segala bangsa, lihatlah anak-anakmu, yang tergoda oleh kejahatan, dibutakan oleh kekuasaan dan kebencian,” katanya.

meninggalkan tanah air mereka dan orang-orang terkasih mereka akibat konflik.

“Kami mempersembahkan dunia kami, terutama negara-negara dan wilayah-wilayah yang sedang berperang,” kata Sri Paus tanpa menyebut nama negara atau wilayah tertentu.

“Kepadamu kami menguduskan Gereja ini sehingga dalam kesaksiannya akan kasih Yesus di hadapan dunia, ia dapat menjadi tanda keharmonisan dan instrumen perdamaian.”

Di antara para kardinal yang hadir pada acara tersebut adalah Kardinal Matteo Zuppi, Uskup Agung Bologna selaku utusan perdamaian Sri Paus untuk Ukraine dan delegasi sinode. — *media Vatikan*

Sri Paus berdoa untuk para pejuang yang gugur

ROMA: Sri Paus Fransiskus merayakan Misa para Arwah di Tanah Perkuburan Perang Roma, yang menempatkan jenazah askar Komanwel yang meninggal dunia di Itali semasa Perang Dunia Kedua.

Marilah kita terus berdoa untuk mereka yang menderita akibat peperangan hari ini. Jangan kita lupakan Ukraine yang martir. Jangan kita lupakan Palestin, jangan kita lupakan Israel, jangan kita lupakan banyak kawasan lain di mana perang masih berterusan.”

Beberapa ketika lalu, Sri Paus telah merujuk kepada konflik yang tidak dapat dilupakan di Yaman, Syria, dan tempat lain.

Beliau berbicara tentang negara-negara “terluka selama bertahun-tahun disebabkan perang yang dahsyat, menderita akibat

diabaikan oleh masyarakat antarabangsa, yang menyaksikan banyak kemarian dan penderitaan khususnya kanak-kanak.

Dalam homilinya semasa Misa para Arwah, prelatus itu mengatakan Hari para Arwah adalah kesempatan yang baik untuk bertanya “jika keinginan kita dan perbuatan kita, adakah ia tidak berlawanan dengan kehendak Bapa di Syurga.”

Ini bukan pertama kali Sri Paus memilih untuk memperingati jiwa-jiwa yang telah ke rumah Bapa di perkuburan.

Pada tahun 2018, Bapa Suci merayakan Misa di Tanah Perkuburan Tentera Perancis Roma, manakala pada 2021, Sri Paus memberkati dan berdoa di Tanah Perkuburan Laurentian. — *media Vatikan*



HARI PARA KUDUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Kekudusan adalah anugerah agar kita hidup bahagia

VATIKAN: Pada Hari Raya Semua Orang Kudus, Sri Paus Fransiskus bercakap tentang panggilan hidup kudus, bahawa ia adalah anugerah daripada Tuhan dan perjalanan yang harus dilakukan bersama-sama dengan saudara-saudari kita serta bersama para kudus, yang menjadi teman di sepanjang jalan.

Sri Paus berbicara sedemikian dari Dataran Sto Petrus kepada ribuan penziarah pada November 1.

Sangti Papa menjelaskan bagaimana karunia kekudusan telah dianugerahkan kepada kita melalui pembaptisan kita dan kita perlu memupuknya agar karunia itu bertumbuh, berkembang dan mengubah hidup kita.

Sri Paus menjelaskan bahawa orang-orang kudus juga bermula seperti kita, mereka menerima hadiah yang sama yang telah kita terima, dan mereka adalah rakan yang sangat dekat dengan kita, menemani kita dalam perjalanan kita.

“Kita pastinya telah menemui beberapa orang kudus dalam kehidupan seharian kita. Misalnya seorang yang adil, yang menjalani panggilan Kristian dengan komitmen dan kesederhanaan, orang yang kita panggil sebagai “orang kudus di sebelah kita.”

Bapa Suci mengingatkan bahawa kekudusan adalah hadiah yang ditawarkan kepada semua orang untuk “kehidupan yang bahagia.”

“Apabila kita menerima hadiah, apakah reaksi pertama kita? Sudah tentu, kita gembira, kerana ini bermakna ada seseorang mencintai kita; dan pemberian



Gambar file: Sri Paus Fransiskus berdoa di hadapan patung Bunda Maria.

kekudusan menggembirakan kita kerana Tuhan mengasihi kita.”

Mengalu-alukan kekudusan

Seperti mana-mana pemberian, apabila kita memilih untuk menerimanya dan menunjukkan rasa syukur kita lebih-lebih lagi menyambut anugerah kekudusan Tuhan, kita memikul tanggungjawab untuk mengekalkan dan membina kekudusan yang telah kita terima.

Perjalanan dengan teman yang selalu memberi sokongan

“Kekudusan juga adalah perjalanan, perjalanan yang harus dilakukan bersama, kerana ia perlu saling membantu, bersatu

dengan sahabat yang sangat baik yang merupakan Orang Kudus.”

Bapa Suci menekankan orang-orang kudus yang adalah “saudara lelaki dan perempuan kita yang lebih tua, yang sentiasa boleh kita harapkan,” kerana mereka boleh membantu kita ketika kita membuat kesilapan dan kembali ke jalan yang betul.

Mereka adalah “kawan yang ikhlas, yang boleh kita percayai kerana mereka sangat mengharapakan kesejahteraan kita.”

Pada akhir renungannya, Sri Paus menggalakkan semua umat untuk mengetahui lebih lanjut tentang kehidupan para Kudus dan belajar daripada mereka bagaimana menghadapi cabaran dan pergelutan hidup. — *media Vatikan*

TUJUH dosa besar dalam Gereja Katolik

Katekismus Katolik (KGK) mengkatégorikan tujuh dosa utama dalam Katolik iaitu tindakan manusia melawan hukum Tuhan. Ia juga dapat dimaksudkan sebagai sikap mengabaikan dan menolak cinta kasih-Nya.

Menurut ajaran Santo Yohanes Kasianus dan Santo Gregorius Agung, tujuh dosa pokok ini menjadi kebiasaan buruk yang berlawanan dengan keutamaan atau kebajikan.

Tujuh dosa besar itu meliputi kesombongan, ketamakan, kedengkian, kemurkaan, pencabulan, kerakusan, dan kelambanan atau kejemuan. Kumpulan dosa ini dapat mengundang dosa dan kebiasaan buruk

lainnya.

Apabila dilakukan dengan sengaja, perbuatan dosa tersebut akan berdampak pada perbuatan lainnya. Ini menggambarkan sifat kelemahan manusia yang berlawanan dengan nilai-nilai keutamaan atau kebajikan.

Tujuh dosa utama tersebut adalah seperti berikut:

1. Kesombongan berlawanan dengan kerendahan hati;
2. Ketamakan berlawanan dengan kemurahan hati;
3. Kedengkian/ iri hati berlawanan dengan kasih;
4. Kemurkaan/kemarahan berlawanan dengan kebaikan dan kesabaran;

5. Pencabulan/nafsu berlawanan dengan pengendalian diri

6. Kerakusan berlawanan dengan kesederhanaan/ kebersahajaan

7. Kelambanan/kemalasan berlawanan dengan kerajinan/ ketekunan/kesetiaan.

Dalam ajaran Katolik, apabila ada umat yang melakukan dosa, ia akan membawa dua akibat yakni kesalahan dan hukuman atau seksaan.

Kesalahan ini dapat dihapus jika dosa diampuni, namun hukuman untuk dosa yang diampuni tetap ada.

Jika umat mati dalam keadaan berahmat, tetapi masih menyimpan hukuman akibat dosa, ia harus menebus hukuman itu di api penyucian.

Dengan kata lain, ia memerlukan proses pemurnian lanjutan setelah kematian.

Memetik buku Membaca Kitab Suci Diri dan Dunia: Lensa Kehidupan yang ditulis oleh Carmia Margaret (2021), pemurnian di dalam api penyucian sangat berlainan dengan seksa neraka.

Umat Katolik dapat membantu jiwa-jiwa yang berada di api penyucian dengan mengirimkan doa-doa dan mempersembahkan Misa Kudus bagi mereka.

Selain itu, untuk membantu menghilangkan semua hukuman sementara di dunia, Gereja juga sentiasa menyediakan peluang untuk pertobatan misalnya memberikan indulgensi, iaitu penghapusan dosa dengan melakukan ziarah dan tindakan-tindakan belas kasihan. — *Aleteia*



Gambar ilustrasi: Gereja sentiasa menawarkan penyembuhan dan pengampunan bagi mereka yang melakukan kesalahan.

PENULIS BERKICAU

Perang di Gaza: ajakan untuk saling peduli

Setelah perang Israel-Hamas meletus pada Oktober 7, lebih 700 orang telah berlandung di Paroki Katolik Holy Family di utara Gaza.

Meskipun komuniti Kristian tempatan membantu dan mengalu-alukan mereka, namun para pelarian ini tetap berdukacita mengenang kampung halaman, saudara mara dan sahabat handai yang terpisah akibat peperangan.

Bersama komuniti tempatan, mereka menanggung kesusahan kerana bekalan air dan makanan semakin berkurangan selama lebih tiga minggu.

Seorang pemuda di kalangan kumpulan itu, Suhail Abo Dawod, menjadi harapan kerana beliau selalu menghantar surat ringkas kepada dunia luar.

Dalam surat terbarunya, yang ditulis pada Oktober 30, dan mendapat perhatian oleh media Vatikan, Suhail mengakui keadaan mereka “lemah” kerana menghadapi satu lagi peperangan yang membawa penderitaan di Gaza.

Namun, pada masa yang sama, Suhail memberikan “idea rohani sederhana” yang dapat mengelakkan politik peperangan.

“Saya sangat percaya bahawa perang ini adalah mesej untuk semua manusia, untuk kita, untuk semua. Pada masa yang sama, saya juga berfikir, ada pesan daripada Tuhan untuk komuniti Kristian kita di Gaza,” tulis Suhail.

Pepatah lama mengatakan, “Setiap musibah ada berkatnya.” Mungkin, kita semua, selepas perang, dipanggil untuk lebih mengasihi dan membantu satu sama lain, seperti sebuah keluarga besar persis seperti bagaimana Yesus membantu dan melayani orang lain,” katanya.

“Kita perlu berkorban seperti bagaimana Yesus mengorbankan diri-Nya untuk kita.”

Sikap dan tingkah laku perlu diubah selepas masa yang sukar, tambah Suhail. “Saya berdoa, selepas perang yang menyeksa ini, kita akan menjalani gaya hidup yang berbeza. Kita akan lebih membantu satu sama lain dengan hati yang besar dan unik, melayani orang ramai sebagaimana Yesus menyembuhkan orang daripada banyak penyakit, dengan jiwa-Nya yang besar dan indah.”

Selepas Israel memusnahkan kediamannya di Gaza pada Oktober 25, Suhail berkata, “Saya menganggap Yesus sebagai rumah sebenar saya. Yesus adalah rumah kedamaian dan kasih sayang saya di dunia yang ganas ini,” tulisnya.

Suhail juga menulis petikan daripada Thomas Moore, “Tidak ada kesedihan di bumi yang tidak dapat disembuhkan oleh syurga.”

Namun sudah tentu, impian Suhail ini hanya dapat diusahakan selepas peperangan berhenti! Semoga semangat, harapan dan doanya yang tidak putus-putus, memberi inspirasi kepada beliau di sini, yang sedang menikmati keamanan, agar mengekalkan dan menambah iman ketika menghadapi cabaran.

Bagi Sri Paus Fransiskus, dalam wawancara terbaharu bersama salah satu media Itali, semasa bercakap mengenai situasi di Timur Tengah, prelatus itu menegaskan, “Setiap peperangan adalah kekalahan. Tiada apa yang diselesaikan dengan peperangan! Hanya dialog yang dapat mewujudkan keamanan.”

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Hati berkobar-kobar, kaki bergegas mewartakan Injil

SANDAKAN: Paroki Katedral St Mary meraikan Ulang Tahun pentahbisan episkopal Ke-16, Uskup pertama Keuskupan Sandakan iaitu Uskup Julius Dusin Gitom pada Oktober 22 lalu.

Enam belas tahun yang lalu, pada Oktober 15, 2007, Keuskupan Sandakan telah ditubuhkan dengan pentahbisan Uskup Julius, pada hari yang sama. Prelatus itu juga meraikan ulang tahun ke-66 yang jatuh pada Oktober 14.

Keuskupan Sandakan merupakan Keuskupan termuda di Malaysia. Selama 16 tahun ini, ia telah banyak menerima berkat yang diperoleh daripada iman, pengorbanan, kemurahan hati dan semangat umat yang berjalan bersama.

Sambutan ulang tahun episkopal, ulang tahun penubuhan Keuskupan Sandakan dan hari lahir Uskup Julius turut diraikan bersama umat dari Gereja St Mark, Gereja St Pe-

ter dan Asrama Belia St Mary.

Paderi Paroki, Fr. Simon Kontou berbesar hati melihat umat datang beramai-ramai untuk menyokong perayaan itu.

Bagi pihak semua paderi, religius dan umat, Fr Simon mengucapkan tahniah kepada Uskup Julius sempena hari lahir beliau serta bersyukur atas berkat Tuhan.

Fr Simon mengatakan, majlis itu juga adalah meraikan kesatuan komuniti yang terdiri daripada pelbagai etnik dan bahasa.

Dalam ucapannya, Uskup Julius menyatakan kesyukurannya atas berkat Tuhan dan menyatakan pada Oktober 22 juga adalah Hari Minggu Misi Sedunia.

Tema menarik yang dipilih oleh Sri Paus Fransiskus, "Hati Terbakar, kaki bergerak" mengingatkannya ketika pertama kali datang ke Sandakan 16 tahun lalu. Ketika itu semangat semua orang berkobar-



Uskup Julius diraikan dalam perayaan tiga dalam satu di Sandakan.

kobar untuk memajukan Keuskupan Sandakan yang baru ditubuhkan.

Katanya, Hari Minggu Misi juga mengingatkan kita akan Visi dan Kenyataan Misi Keuskupan Sandakan.

Prelatus itu mengatakan, Keuskupan Sandakan telah pun mengamalkan sinodaliti sejak penubuhannya di mana para klerus,

religius dan umat berjalan dan berdoa bersama-sama.

Dengan Visi, "Komuniti berpusatkan Kristus, melayani satu sama lain dengan kasih sayang" dan enam pernyataan misi untuk dicapai, yang pertama ialah: "Untuk memupuk penyertaan aktif dalam Gereja dengan Ekaristi sebagai sumber dan puncak kehidupan Kristian".

Uskup Julius mengajak umat agar selalu berterima kasih kepada Tuhan dan mengingatkan bahawa dalam berjalan bersama, mereka juga harus terus belajar serta mendengar antara satu sama lain.

Uskup Julius juga menyatakan pentingnya merayakan Ekaristi kerana kita dapat mengenal Yesus dalam Ekaristi dan Ekaristi adalah sumber serta puncak misi kita!

Membangunkan gergasi penginjilan yang sedang tertidur

KOTA KINABALU: Sempena Hari Minggu Misi Sedunia, Komisi Kateketikal Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah menghimpunkan lebih 120 orang alumni Kursus Evangelisasi Peribadi Sabah dan luar Sabah.

Pertemuan ini dihadiri oleh mantan Penyelaras Sekolah Penginjilan Katolik yang pertama, Sr Grace Deosing FSIC dan beberapa mantan tenaga pengajar serta pelajar sekolah tersebut.

Di dalam ucapan pembukaannya, Fr Peter Chung, Paderi Penyelaras *Pontifical Mission Society* (PMS), Keuskupan Agung Kota Kinabalu, menyampaikan pesanan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Minggu Misi 2023 yang



Para peserta reuni KEP mendengar katekesis daripada Fr Peter Chung.

bertema, "Hati berkobar-kobar, kaki bergegas pergi mewartakan Injil".

Sr Grace Deosing dalam ucapannya menceritakan pengalaman bagaimana bermulanya Sekolah Penginjilan Katolik yang dimulakan pada tahun 1992.

Katanya, "kita harus menyebarkan Khabar baik kepada semua orang agar dapat membangunkan gergasi penginjilan yang sedang tertidur di dalam Gereja Katolik!"

Sr M. Dariah Ajap FSIC, penyelaras Komisi Kateketikal Keuskupan Agung KK mengatakan

tujuan *reunion* diadakan adalah untuk melihat apakah tindakan seterusnya selepas mengikuti KEP.

Pembaharuan janji mewartakan Khabar Gembira diadakan bagi menyegarkan semangat penginjilan di kalangan Alumni

KEP Sabah.

Semasa reunion itu, Ahli Jawatankuasa Induk bagi Kursus Evangelisasi Peribadi telah ditubuhkan. AJK ini ditubuhkan bagi mengerakkan dan merancang segala aktiviti penginjilan di tiga Keuskupan di Sabah.

KEP sudah berlangsung pada tahun 2021 semasa musim pandemik dan diteruskan pada tahun 2022 juga secara online, dibantu oleh tenaga pengajar dari Bogor, Indonesia.

Pada tahun ini 2023 KEP diadakan secara online dan tenaga pengajar datangnya dari Keuskupan Agung KK, Keuskupan Kenningau, Sandakan dan Bogor, Indonesia. — *Aveil Olga*

Hari PBB: Keadilan untuk semua dan ciptaan



Fr Andrew Manickam OFM Cap dan Uskup Agung Julian Leow.

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia memperingati Hari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2023 ke-75 pada Oktober 25, di Taman Tugu dengan tema, "Bertindak Sekarang pada Hari PBB dan Setiap Hari."

Tema ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada orang ramai untuk bertindak bagi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan komited mengekalkan planet yang sihat, ekonomi inklusif, masyarakat adil dan dunia yang bekerjasama.

Penyelaras Residen PBB Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, Karima El Korri, bercakap

mengenai SDG di rantau ini.

Beliau berkongsi mandat PBB untuk Malaysia, untuk membantu negara dalam wawasannya mencapai status negara maju melalui Agenda 2030.

Agenda ini melakarkan laluan pembangunan yang mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan rangkuman sosial dan kemampunan alam sekitar, berdasarkan asas institusi yang kukuh, syarat untuk masyarakat yang aman dan merealisasikan hak asasi manusia.

Acara pada hari itu termasuk ucapan Timbalan Menteri Luar, Datuk Mohamad Alamin, mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan

Pelancongan Lestari di Malaysia, acara berjalan kaki di sepanjang salah satu denai di Taman Tugu diikuti persembahan kebudayaan dan pelbagai acara lain. Terdapat juga pameran berkongsi maklumat mengenai SDG dan aktiviti di sekeliling mereka.

Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow, dan Pembantu Eklestistik Komisi Keadilan Ciptaan Keuskupan Agung KL, Fr Andrew Manickam OFM Cap, adalah antara jemputan yang menghadiri acara PBB itu. Sebagai usaha menyokong aktiviti kelestarian alam sekitar, setiap peserta menerima tumbuhan untuk dibawa pulang dan dijaga di rumah.